

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

1. Jelaskan kejayaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender, terutamanya dari segi pelantikan ke jawatan dalam Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan.
 - (a) Apakah strategi atau perancangan masa depan untuk memperkukuh pengaruh dasar ini?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Dasar Keterangkuman Gender (DKG) Negeri Pulau Pinang kini berada di Fasa 2 pelaksanaannya dan sedang dalam proses penilaian separuh penggal. DKG diperkenalkan sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan Negeri untuk mengarusperdanakan prinsip kesaksamaan gender dalam dasar, perancangan dan pelaksanaan program pembangunan negeri.

Fasa 1: Menginstitusi Pengetahuan telah diselesaikan pada tahun 2022 dengan pelaksanaan sesi taklimat kepada kesemua 35 jabatan dan agensi kerajaan negeri. Ia menjadi asas kesedaran dan kefahaman kepada semua kakitangan berkaitan prinsip-prinsip keterangkuman gender. Bengkel pembangunan kapasiti juga telah dilaksanakan secara berterusan melibatkan hampir semua agensi termasuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Kini, DKG berada dalam Fasa 2: Menginstitusi Amalan, yang memberi fokus kepada pelaksanaan strategi dan pengintegrasian amalan keterangkuman gender dalam dasar dan proses kerja jabatan. Hanya apabila memasuki Fasa 3: Menginstitusi Kelestarian bermula tahun

2027 kelak, penilaian secara menyeluruh termasuk dari segi pelantikan ke jawatan dapat dilakukan bagi menilai impak dasar ini terhadap kepimpinan dan tadbir urus jabatan.

Walau bagaimanapun, beberapa kejayaan awal dapat dilihat dalam pelaksanaan Fasa 1 dan 2, termasuklah dari segi pelantikan wanita ke dalam jawatankuasa penting kerajaan:

- (i) Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang kini telah melantik dua orang wanita ke dalam Jawatankuasa Falak dan seorang wanita ke dalam Jawatankuasa Fatwa, satu perkembangan yang signifikan memandangkan kedua-dua jawatankuasa ini sebelum ini tidak mempunyai keanggotaan wanita.
- (ii) Pelaksanaan Dasar ini juga telah mendorong anjakan ke arah persekitaran kerja yang lebih inklusif, sebagai contoh, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri telah mewujudkan surau lelaki yang mengambil kira keperluan gender dalam reka bentuknya.

Pendekatan utama dalam DKG adalah menerusi pengaplikasian *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sebagai strategi pelaksanaan. Sejak 2019, GRPB telah dilaksanakan dalam bentuk projek-projek perintis oleh jabatan kerajaan dan diperluaskan ke peringkat PBT. Pelaksanaan GRPB ini turut mendapat perhatian dan pengiktirafan dari negeri-negeri lain serta agensi persekutuan termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Penilaian separuh penggal turut menunjukkan perubahan sikap dalam kalangan kepimpinan jabatan. Terdapat kesedaran dalam kalangan ketua jabatan untuk mendengar pandangan kedua-dua jantina, dan pendekatan yang lebih peka terhadap keperluan kumpulan rentan seperti Orang Kurang Upaya (OKU) telah diterapkan dalam perancangan program dan projek.

Untuk maklumat lanjut serta perancangan masa hadapan berkaitan pelaksanaan DKG, sila rujuk **LAMPIRAN A**.



Peta Hala Tuju Dasar Keterangkuman Gender 2019-2030



Fasa 1 2019 – 2021

Menginstitusi Pengetahuan

- PK** 1. Program Kesedaran KG selesai
- PK** 2. Pembangunan Kapasiti untuk Pegawai- pegawai *Focal Point* jabatan
- PK** 3. Bengkel-bengkel Pembangunan Kapasiti (SDD, GBM, GRPB & M&E)
- P** 4. Pengenalpastian pakar bidang khusus (*subject matter experts*)
- GR** 5. Permulaan Projek Perintis GRPB bagi agensi-agensi Kerajaan Negeri terpilih



Fasa 2 2022 – 2026

Menginstitusi Amalan

- ST** 1. Pembentukan Jawatankuasa Pemandu DKG menjelang 2022
- PK** 2. Sesi ToT untuk agensi Kerajaan Negeri dan Tempatan
- SD** 3. Pengumpulan SDD oleh semua agensi Kerajaan Negeri dan Tempatan menjelang 2024
- GB** 4. Penerimaan GBM oleh Kerajaan Tempatan
- GR** 5. Projek Perintis GRPB untuk semua agensi Kerajaan Negeri selesai
- GR** 6. Memasukkan GRPB ke setiap peringkat kitaran bajet kerajaan
- PP** 7. Penilaian Separuh Penggal DKG



Fasa 3 2027 – 2030

Menginstitusi Kelestarian

- ST** 1. Pembentukan Unit KG di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- P** 2. Mewujudkan kumpulan pakar bidang khusus bagi DKG
- SD** 3. Sistem pengumpulan data yang seragam
- GB** 4. Penerimaan GBM oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri
- GR** 5. Pengintegrasian GRPB ke dalam program atau projek kerjaan
- PP** 6. Penggunaan P&P sensitif-gender oleh semua agensi Kerajaan Negeri dan Tempatan

Petunjuk:



Struktur



Pembangunan Kapasiti



Perkongsian



SDD



GBM



GRPB



Pemantauan & Penilaian

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

2. Berikan statistik scam dalam lima tahun ini mengikut negeri.
- (a) Nyatakan dengan pecahan kategori dan jumlah kerugian.
 - (b) Berapa kes telah diselesaikan dan jumlah wang yang dipulangkan kepada mangsa?
 - (c) Nyatakan usaha yang dilakukan bagi mengelakkan penipuan sebegini.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Berikut adalah jadual statistik *scam* bagi tempoh lima (5) tahun sehingga sekarang mengikut pecahan kategori dan statistik mengikut jumlah kerugian:

(i) Statistik Pecahan Kategori Scam Ikut Jumlah Kes

BIL	MODUS OPERANDI	2021	2022	2023	2024	2025 (JAN- APRIL)
1	e-Dagang	958	838	889	433	152
2	Pinjaman Tidak Wujud	405	261	376	284	112
3	Pelaburan	410	284	474	424	204

4	Penyamaran Talian	391	266	264	239	160
5	Tipu Tawaran Kerja	105	67	255	303	135
6	<i>Phone Scam</i>	157	263	326	217	66
7	<i>Love Scam / Parcel Scam</i>	132	52	71	67	15
JUMLAH		2,558	2,031	2,655	1,967	844

(ii) Statistik Pecahan Kategori Scam Ikut Jumlah Kerugian

BIL	MODUS OPERANDI	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (RM)	2025 (JAN- APRIL) (RM)
1	e-Dagang	7,525,751.61	14,711,118.17	13,135,641.99	5,339,111.22	1,226,901.62
2	Pinjaman Tidak Wujud	4,643,935.74	2,748,468.74	3,753,189.29	507,463.49	1,145,811.54
3	Pelaburan	42,263,921.27	13,195,275.55	39,731,147.07	68,828,971.78	32,304,460.97
4	Penyamaran Talian	8,918,629.93	7,265,635.86	8,072,299.25	7,164,515.92	5,725,735.58
5	Tawaran Kerja	1,478,553.88	1,499,465.83	6,025,817.68	10,425,962.82	3,791,793.98
6	<i>Phone Scam</i>	6,622,289.06	13,266,015.05	20,578,800.43	12,803,732.58	3,328,053.24
7	<i>L Love Scam / Parcel Scam</i>	5,350,843.04	6,338,727.00	2,744,196.13	4,073,777.63	812,039.00
JUMLAH (RM)		76,803,924.53	59,024,706.20	94,041,091.84	109,143,535.44	48,334,795.93

- (b) Setakat ini, jumlah mangsa yang berjaya mendapatkan semula wang tidak diperolehi kerana data tersebut dimiliki oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC). Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) berfungsi sebagai pusat operasi utama untuk menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian. Ia merupakan usaha sama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), serta institusi kewangan dan industri telekomunikasi.

Berikut adalah bilangan kes yang telah diselesaikan mengikut tahun:

BIL	MODUS OPERANDI	2021	2022	2023	2024	2025
1	e-Dagang	71	304	281	267	97
2	Pinjaman Tidak Wujud	98	283	171	232	63
3	Pelaburan	45	108	111	205	61
4	Penyamaran Talian	39	117	82	107	23
5	Tipu Tawaran Kerja	1	20	60	123	42
6	<i>Phone Scam</i>	16	62	55	85	24
7	<i>Love Scam / Parcel Scam</i>	18	61	31	37	7
JUMLAH		288	955	791	1,056	317

- (c) Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan untuk mencegah penipuan dalam e-Dagang, pinjaman tidak wujud, pelaburan, penyamaran talian, tipu tawaran kerja, dan *phone scam*. Berikut adalah beberapa langkah utama:

(i) Pendidikan dan Kesedaran Awam

- 1) Kempen media untuk menyebarkan maklumat tentang taktik *scammer*.
- 2) Program pendidikan di sekolah dan institusi untuk mendidik generasi muda tentang keselamatan dalam talian.
- 3) Perkongsian pengalaman oleh mangsa *scam* untuk meningkatkan kesedaran masyarakat.

(ii) Penguatkuasaan Undang-Undang

- 1) Kerjasama antara agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Bank Negara Malaysia untuk menyiasat dan mendakwa penjenayah *scam*.
- 2) Hukuman lebih berat bagi pesalah untuk menghalang jenayah *scam*.
- 3) Pasukan petugas khas untuk menangani jenayah *scam* secara lebih efektif.

(iii) Perlindungan Pengguna

- 1) Peraturan lebih ketat bagi syarikat dalam talian untuk memastikan keselamatan pengguna.
- 2) Mekanisme semakan bagi mangsa *scam* seperti Portal Semakmule oleh PDRM.
- 3) Penggunaan aplikasi pengesanan scammer seperti *Truecaller* dan *Whoscall* untuk mengenal pasti nombor telefon mencurigakan.

(iv) Langkah Keselamatan Peribadi

- 1) Tidak mendedahkan maklumat peribadi di internet atau kepada individu yang tidak dikenali.
- 2) Berhati-hati dengan pautan mencurigakan dalam e-mel dan mesej yang meminta maklumat kewangan.
- 3) Menyemak kesahihan tawaran kerja dan pelaburan sebelum membuat sebarang transaksi.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

3. Nyatakan jumlah tanah RIBI yang masih ada di negeri ini mengikut daerah dan keluasan tanah.
 - (a) Apakah prosedur untuk memohon atau membeli tanah bagi kegunaan RIBI?
 - (b) Nyatakan usaha kerajaan dalam membantu masyarakat setempat memohon tanah RIBI dalam tempoh lima tahun ini secara terperinci.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Tanah-tanah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang masih kosong adalah sebanyak tujuh (7) tapak di bawah MBPP dan 12 tapak di bawah MBSP. Senarai perincian mengikut daerah dan keluasan tanah adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Prosedur untuk memohon atau membeli tanah bagi kegunaan RIBI di Pulau Pinang melibatkan beberapa peringkat rasmi. Permohonan perlu dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan, disertakan dengan dokumen seperti salinan Sijil Pendaftaran Pertubuhan, Pelan Cadangan Pembangunan dan surat sokongan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Permohonan tersebut akan dinilai oleh Jawatankuasa Penyelarasan RIBI dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan RIBI untuk keputusan akhir.

Sekiranya diluluskan, pemohon perlu mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan melalui saluran *One Stop Centre* (OSC) PBT untuk kelulusan pembangunan.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak membantu masyarakat setempat untuk memohon tapak RIBI secara individual. Akan tetapi, Jawatankuasa Penyelarasan RIBI komited untuk mencari penyelesaian yang inklusif serta adil bagi RIBI yang memerlukan penempatan semula. Dengan itu, Jawatankuasa Penyelarasan RIBI berperanan untuk mencari tapak yang sesuai bagi tujuan pajakan dan pemberimilikan bagi kategori keagamaan. Pihak Jawatankuasa akan juga membuat susulan dan bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mempercepatkan proses pajakan dan pemberimilikan tapak RIBI itu.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memperluaskan tujuan penggunaan Tabung Amanah RIBI bagi penyediaan dan pembelian tanah RIBI bersepadu, sekiranya amaun yang telah dikumpul mencukupi untuk tujuan tersebut.

LAMPIRAN A

SENARAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) MILIK MBPP

BIL.	NO.LOT	MK/SEK	BANDAR	DAERAH	NO. HAKMILIK	KELUASAN (MP)	KELUASAN (KP)	LOKASI	NAMA PEMAJAK	STATUS
1	10050	SEK 1	TANJUNG TOKONG	DTL	PN 11619	199	2,142.00	JALAN TANJONG TOKONG	-	KOSONG
2	20432	MK 10	BAYAN LEPAS	DBD	GRN 178024	289	3,111.00	CANGKAT SG ARA 10	-	KOSONG
3	1907	MK 11	TELUK KUMBAR	DBD	PN 6560	92	990.00	TINGKAT SUNGAI BATU 5	-	KOSONG
4	2420	MK 11	TELUK KUMBAR	DBD	HS (M) 629	49	527.00	JALAN KAMPUNG BUKIT	-	KOSONG
5	10200	MK E	BALIK PULAU	DBD	GM 543	89	958.00	JALAN SUNGAI PINANG	-	KOSONG
6	10123	MK F	BALIK PULAU	DBD	GRN 142589	225	2,421.00	SUNGAI BURUNG	-	KOSONG
7	590	MK G	BALIK PULAU	DBD	HSD 22929	208	2,238.00	JALAN SUNGAI NIPAH 6	-	KOSONG

SENARAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) MILIK MBSP

BIL.	NO.LOT	MK/SEK	BANDAR	DAERAH	KOORDINAT	KELUASAN (MP)	KELUASAN (KP)	LOKASI	NAMA PEMAJAK	STATUS
1	23877	MK 6	BERTAM	SPU	5.530315, 100.499157	515	5,543.40	TAMAN MEKARSARI (LORONG MEKARSARI 13)	-	KOSONG
2	25111	MK 6	BERTAM	SPU	5.509218, 100.481874	513	5,522.00	TAMAN AMANSARA (JALAN AMANSARA 1)	-	KOSONG
3	10477	MK 13	ARA KUDA	SPU	5.434120, 100.523628	132	1,420.83	TAMAN ARA INDAH (JALAN ARA INDAH)	-	KOSONG
4	PT2316	MK 13	ARA KUDA	SPU	5.438489, 100.514255	148	1,593.00	TAMAN ARA JAYA (LORONG ARA JAYA 1)	-	KOSONG
5	20056	MK 14	BAGAN LALLANG	SPU	5.422829, 100.396327	28	301.38	TAMAN CARISSA VILLA (JALAN CARISSA VILLA)	-	KOSONG
6	10315	MK 6	BANDAR PERDA	SPT	5.366676, 100.427915	268	2,884.72	TAMAN PROMINENCE (LORONG PERDA UTAMA 3)	-	KOSONG
7	10129	MK 10	SUNGAI RAMBAI	SPT	5.359836, 100.454406	74	796.52	PANGSAPURI RESIDENSI (TAMAN MANGGIS INDAH - JALAN TINGKAT MANGGIS 1)	-	KOSONG
8	30856	MK 14	PERUSAHAAN BUKIT MINYAK	SPT	5.288122, 100.457154	616	6,631	TAMAN LEMBAH INDAH (JALAN LEMBAH INDAH)	-	KOSONG
9	32637	MK 14	BUKIT MINYAK	SPT	5.333981, 100.464652	26	279.86	TAMAN SERI PERMAI (LORONG SERI PERMAI 1)	-	KOSONG
10	21787	MK 15	SIMPANG AMPAT	SPS	5.264372, 100.478789	72	775.00	TAMAN TANGLING INDAH (LORONG BELIBIS 33)	-	KOSONG
11	PT 1315	MK 15	VALDOR	SPS	5.251702, 100.482643	245	2,637.15	TAMAN HIJAUAN VALDOR (LORONG HIJAUAN VALDOR 34)	-	KOSONG
12	PT 811 (22536)	MK 15	VALDOR	SPS	5.250146, 100.484040	316	3,401.39	TAMAN HIJAUAN VALDOR (LORONG HIJAUAN VALDOR 2)	-	KOSONG

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

4. Nyatakan bilangan dan kapasiti *coworking space* dalam Pulau Pinang mengikut daerah dan warisan George Town.
- (a) Bagaimanakah kadar sewa dikenakan?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan semakan terkini dengan pihak Digital Penang, terdapat sebanyak 21 unit *coworking space* di seluruh Negeri Pulau Pinang. Perincian jumlah *coworking space* mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	DAERAH	BILANGAN
1.	Timur Laut	11
2.	Barat Daya	6
3.	Seberang Perai Tengah	4
JUMLAH		21

Jumlah *coworking space* yang terletak di kawasan warisan George Town adalah sebanyak 6 unit *coworking space* daripada jumlah keseluruhan 11 unit *coworking space* di Daerah Timur Laut.

Kapasiti sesebuah *coworking space* adalah bergantung kepada saiz fizikal premis serta jenis perkhidmatan yang disediakan. *Coworking space* yang menumpukan kepada penyewaan tempat duduk fleksibel (meja panas), meja tetap atau bilik pejabat kecil mempunyai kapasiti yang berbeza-beza.

Secara purata, sebuah *coworking space* di Negeri Pulau Pinang mampu menampung sehingga 150 orang pada satu-satu masa, bergantung kepada reka bentuk ruang, susun atur tempat duduk serta kemudahan sokongan yang disediakan.

- (a) Kadar sewa *coworking space* adalah bergantung kepada jenis perkhidmatan yang disediakan. Berikut adalah kadar sewa bagi beberapa perkhidmatan biasa yang ditawarkan iaitu:
 - (i) Akses penggunaan tempat perkongsian meja kerja tidak dedikasi adalah di antara RM50.00 sehingga RM200.00 sehari;
 - (ii) Akses kepada sewaan meja kerja dedikasi adalah di antara RM150.00 sehingga RM350.00 sehari; dan
 - (iii) Akses kepada blok pejabat kecil adalah di antara RM1,000.00 sehingga RM3,500.00 sebulan; dan akses kepada bilik mesyuarat adalah di antara RM200.00 sehingga RM500.00 sejam.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

5. Keselamatan siber dalam negeri.
- (a) Nyatakan secara terperinci kes-kes kebocoran data yang pernah berlaku sebelum ini.
 - (b) Jelaskan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan data rakyat Pulau Pinang.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Keselamatan siber dalam negeri.
- (a) Sehingga April 2025, BTMKN telah menerima 4 aduan berkaitan insiden kebocoran data daripada portal dan laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berikut adalah senarai insiden-insiden tersebut;
 - (i) Maklumat pengguna Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang didedahkan di *BreachForums* (<https://breached.vc>).
 - (ii) Maklumat nama dan kata laluan sistem Single Sign On seorang pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang didedahkan di laman web *Leaked Based* (<https://leakbased.io>).
 - (iii) Maklumat penyata gaji (sebelum tahun 2020) seorang kakitangan Kerajaan Negeri daripada sistem penyata gaji yang lama didedahkan di aplikasi *Facebook*.

- (iv) Senarai nama syarikat yang disimpan pada laman web Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang didedahkan di aplikasi *Telegram*.
- (b) Langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan data rakyat adalah seperti berikut;
- (i) Menyemak dari semasa ke semasa dan memastikan server-server yang menyimpan data rakyat adalah menggunakan sistem pengoperasian dan mengandungi komponen-komponen yang sentiasa dikemas kini. Ini bagi mengurangkan risiko data rakyat terdedah kepada capaian tanpa kebenaran.
 - (ii) Melaksanakan peningkatan infrastruktur keselamatan ICT seperti memasang *Firewall* berlapis, *Web Application Firewall* dan *EndPoint Security* bagi menyekat cubaan serangan terhadap sistem-sistem online Kerajaan Negeri.
 - (iii) Melaksanakan *Security Posture Assessment* terhadap sistem-sistem kritikal Kerajaan Negeri.
 - (iv) Mengekalkan kerjasama erat antara *Cyber Security Incident Response Team (CSIRT)* Negeri Pulau Pinang dengan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dalam mengesan dan bertindak balas terhadap sebarang ancaman keselamatan ICT yang berlaku terhadap infrastruktur ICT Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - (v) Melaksanakan pemantauan harian terhadap keseluruhan trafik/data yang masuk dan keluar ke/dari infrastruktur ICT Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
 - (vi) Merancang penggunaan *MyDigitalID* sebagai langkah keselamatan dalam mengesahkan capaian ke sistem-sistem Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mengandungi data rakyat.
 - (vii) Merancang untuk melaksanakan *Zero Trust Framework* bagi memperkukuhkan kawalan daripada kebocoran maklumat dan meningkatkan keselamatan ICT.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

6. Terangkan status semasa projek perluasan Hospital Bukit Mertajam serta perkembangan berkaitan tanah lapang di kawasan Rumah Rehat Bukit Mertajam.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah mengemukakan permohonan pemberi milikan dan pengambilan tanah bagi tujuan cadangan pembangunan Hospital Bukit Mertajam kepada pihak Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 21 Januari 2025.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (MJKPPT), KKM Bil. 1/2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha KKM yang bersidang pada 21 April 2025 telah membincangkan dan bersetuju dengan permohonan tersebut.

JKNPP sedang menunggu surat kelulusan tersebut untuk urusan selanjutnya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

7. Nyatakan status penggunaan tenaga solar di peringkat negeri.
- (a) Adakah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditetapkan dan sejauh manakah ia telah dicapai?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 19/2024 yang bersidang pada 26 Jun 2024 dan disahkan pada 3 Julai 2025 telah meluluskan pelaksanaan Sasaran dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) Negeri Pulau Pinang.

Berkaitan itu, Penang Green Council (PGC) selaku urus setia kepada Jawatankuasa *Penang Energy Framework* (PEF) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaannya serta memantau dan melaporkan pencapaiannya kepada Jawatankuasa PEF.

Bagi tujuan tersebut, PGC telah menerbitkan dokumen Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang (*Penang Energy Framework* – PEF) sebagai panduan pelaksanaannya. PGC juga kini sedang dalam perancangan untuk membangunkan portal pemantauan bagi pelaksanaan PEF. Justeru, buat masa ini tiada data terperinci berkenaan status penggunaan solar di peringkat negeri.

- (a) Di antara lapan (8) sasaran yang telah ditetapkan di dalam PEF adalah penghasilan tenaga sebanyak 10% daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang turut merangkumi tenaga

solar menjelang tahun 2030. Pencapaian terperinci penggunaan tenaga solar di Pulau Pinang akan dapat dimuktamadkan setelah portal pemantauan dibangunkan oleh PGC.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

8. Nyatakan perkembangan semasa projek ladang solar terapung yang sedang dirancang atau dilaksanakan.
 - (a) Jelaskan bagaimana projek ini dapat menyumbang kepada pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Terdapat dua (2) projek ladang solar terapung di dalam perancangan di Pulau Pinang iaitu di North Butterworth Container Terminal (NBCT) oleh Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) dan di Empangan Mengkuang oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Kedua-dua projek ini kini dalam peringkat kajian konsep dan kebolehlaksanaan/keberhasilan.
 - (a) Kedua-dua projek ini adalah inisiatif pihak swasta dan tidak menyumbang kepada pengukuhan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

9. Berkaitan dengan *pet cafe* (kafe mesra haiwan peliharaan), adakah garis panduan operasi rasmi telah dikeluarkan? Jika belum, apakah status terkini?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan piawaian kesihatan dan kebajikan haiwan yang jelas bagi membimbing pengusaha serta melindungi hak haiwan peliharaan dan pengguna?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Setakat ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan Garis Panduan '*Pet Friendly Café*' dan telah dibentangkan di Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam pada Mac 2025. Walau bagaimanapun, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah meminta supaya garis panduan ini dikaji semula di samping membuat penambahbaikan memandangkan terdapat percanggahan dari beberapa aspek termasuk perundangan.

Manakala bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), masih belum mempunyai garis panduan berkaitan *pet cafe* (kafe mesra haiwan peliharaan). Namun, MBSP akan melihat ruang serta keperluan perancangan untuk mewujudkan garis panduan tersebut.

- (a) Untuk makluman, sebanyak 13 aktiviti telah disenaraikan di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan garis panduan pelaksanaannya telah dikeluarkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Malaysia bagi memastikan standard kebajikan haiwan dipatuhi

dalam pelbagai sektor. Walau bagaimanapun, *pet cafe* atau kafe mesra haiwan peliharaan tidak termasuk dalam senarai 13 aktiviti berlesen tersebut. Justeru, tiada garis panduan khusus berkaitan operasi dan pengurusan *pet cafe* yang telah dikeluarkan setakat ini.

Sebagai langkah susulan, JPV Negeri Pulau Pinang akan memanjangkan perkara ini kepada pihak Lembaga Kebajikan Haiwan dan JPV Malaysia bagi mempertimbangkan keperluan pembangunan garis panduan khusus berkaitan operasi *pet cafe*, terutama dalam aspek kebajikan haiwan, keselamatan makanan, serta kesejahteraan pengunjung dan haiwan peliharaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

10. Baru-baru ini, terdapat beberapa kes gangguan seksual melibatkan pelajar perempuan di Johor. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai dasar atau pelan pencegahan gangguan seksual untuk pelajar sekolah, khususnya perempuan?
- (a) Adakah terdapat kerjasama antara Jabatan Pendidikan, Polis dan NGO dalam menjalankan program advokasi dan kaunseling?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil serius isu gangguan seksual terhadap pelajar dan komited dalam usaha pencegahan melalui pendekatan pelbagai agensi serta dasar bersepadu.

Menerusi *Penang Women's Development Corporation* (PWDC), Kerajaan Negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Petugas Khas bagi meneliti isu keganasan seksual dalam talian secara menyeluruh dan mencadangkan strategi pencegahan yang bersesuaian, khususnya melibatkan pelajar dan remaja. Penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk menangani cabaran semasa dalam komuniti digital dan memastikan intervensi yang berkesan.

- (a) PWDC bersama Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia dan NGO sentiasa bekerjasama dalam usaha membanteras isu gangguan berlandaskan gender, terutamanya dalam kempen *Penang Goes Orange* (PGO). Kempen PGO 2024 dengan

tema *Swipe to Stop* memberi fokus terhadap keganasan seksual atas talian dalam kalangan remaja dan belia.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

11. Bagaimanakah kerajaan merancang memperluaskan program *AI Horizon* untuk memberi pendedahan kepada pelajar dan belia?
- (a) Adakah *Tech Dome Penang* merancang kerjasama dengan syarikat teknologi tempatan dan antarabangsa untuk mengukuhkan ekosistem AI?
 - (b) Apakah inisiatif lain yang sedang atau akan dilaksanakan untuk mempromosikan pendidikan STEM di Pulau Pinang?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Program *AI Horizon* adalah inisiatif masa depan yang direka untuk mengilhamkan, mendidik dan memperkasa generasi pemimpin Kecerdasan Buatan (AI) yang seterusnya. Program ini akan diadakan pada 8 dan 9 Ogos 2025, bertempat di SPICE Arena, Pulau Pinang dan merupakan Ekspo dan *Summit AI* yang terbesar di Malaysia. Program ini menghimpunkan pelajar cemerlang, pendidik, pemain industri dan penggubal dasar dalam satu platform dinamik sebagai usaha membangunkan kemahiran, inovasi dan kolaborasi dalam bidang AI.

Program ini mampu memupuk pemikiran kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan pengetahuan praktikal dalam aplikasi AI melalui bengkel praktikal, pertandingan pelajar, pameran dan sesi jaringan kerjasama. Ia berperanan sebagai jambatan antara pendidikan dan pemain industri serta memastikan generasi muda bersedia untuk menggapai kecemerlangan dalam dunia yang semakin dipacu oleh AI. Program ini juga menekankan pembangunan AI yang inklusif, mudah diakses dan

bertanggungjawab selaras dengan matlamat nasional dan global dalam membina masa depan yang pintar, lestari dan adil.

- (a) *Tech Dome Penang* terus komited memperluas program *AI Horizon* bagi memberi pendedahan kepada pelajar dan belia mengenai kemahiran serta peluang dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI). Program ini akan diperluas melalui jelajah ke sekolah-sekolah dan institusi pendidikan dengan penganjuran bengkel praktikal serta ceramah kesedaran AI, selain menyediakan platform latihan berterusan seperti webinar dan sesi bimbingan bersama pakar industri. Sepanjang tahun, pelbagai program interaktif turut dirancang melibatkan penglibatan mentor, pertandingan pengaturcaraan dan sesi pembangunan projek. Dalam usaha mengukuhkan lagi ekosistem AI, *Tech Dome Penang* giat menjalinkan kerjasama strategik dengan syarikat teknologi tempatan dan antarabangsa, termasuk syarikat multinasional seperti Intel dan Microsoft serta syarikat AI tempatan seperti Elliance yang beroperasi di Pulau Pinang. Kerjasama ini bertujuan membawa teknologi AI terkini ke dalam pameran dan bengkel, di samping menawarkan peluang bimbingan industri, pameran kerjaya serta akses kepada fasiliti penyelidikan dan pembangunan.
- (b) Senarai inisiatif lain adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

Inisiatif lain untuk mempromosikan Pendidikan STEM di Pulau Pinang melalui Tech Dome Penang:

Program	Fokus Bidang	Sasaran Peserta	Aktiviti Utama	Objektif
Program Pendidikan STEM UK-Malaysia	Sains, Teknologi, AI dan robotik	Pelajar menengah (10 sekolah di Pulau Pinang)	Bengkel, ceramah Biologi, Kimia, Fizik, AI dan robotik	Tingkatkan kefahaman STEM dalam kalangan pelajar
<i>Innospark Penang 2.0</i>	<i>Hands-on STEM</i> dan rumah pintar	Pelajar sekolah rendah (2,400 pelajar, 80 sekolah)	Bengkel <i>Maker UNO</i> , bimbingan mentor dan pertandingan projek	Semai minat STEM dan menggalakkan kerjasama serta kreativiti
<i>Women in Zcience (WIZ)</i>	<i>Hands-on STEM</i>	Pelajar perempuan	Bimbingan saintis wanita, pameran kerjaya dan bengkel interaktif	Menggalakkan penyertaan aktif pelajar perempuan
Robomania 2024	Robotik, kreativiti dan kemahiran teknikal	Pelajar (umum)	Pertandingan robotik, latihan dan peluang sukarelawan	Memupuk minat pelajar dalam robotik dan teknologi
<i>Environmental Impact Challenge</i>	Isu alam sekitar melalui inovasi STEM	Pelajar (umum)	Projek Inovasi Hijau, bengkel kesedaran dan pameran umum	Meningkatkan kesedaran dan tindakan terhadap alam sekitar
<i>Festival with STEM</i>	Gabungan tradisi dan STEM	Pelajar dan masyarakat umum	Bengkel bertemakan perayaan di Malaysia	Mencetus minat terhadap STEM melalui program yang menyeronokkan

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

12. USM difahamkan mempunyai hampir 8,000 pelajar dari China. Berapakah jumlah sebenar pelajar China di Pulau Pinang?
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi membantu mereka menyesuaikan diri serta memastikan keselamatan dan kemudahan?
 - (b) Adakah wujud kerjasama dengan IPT atau organisasi komuniti?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Enrolmen pelajar China di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Induk, Pulau Pinang adalah seramai 6,403 orang.
- (a) Kerajaan Negeri melalui pihak USM telah menggembeng tenaga dalam usaha agar pelajar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus dalam memastikan keselamatan serta kemudahan mereka sentiasa terpelihara. Misalnya, pertama, pihak USM menyediakan program penyesuaian diri dan asimilasi dalam minggu suai kenal. Kedua, menyediakan kemudahan USM *Buddy*, dan ketiga, melaksanakan pengurusan desasiswa pelajar tanpa asrama (PETAS) bagi menjaga kebajikan pelajar tempatan dan antarabangsa yang tinggal di luar kampus.
 - (b) Sehingga kini, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pihak USM serta mengalu-alukan organisasi komuniti untuk bersama memberi sokongan dan bantuan kepada program-

program yang melibatkan pelajar USM (tempatan dan antarabangsa) demi kesejahteraan dan kebajikan pelajar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

13. Dengan penutupan Penangpac, berapakah jumlah ruang persembahan yang masih beroperasi di Pulau Pinang? Senaraikan teater utama dan ruang komuniti sedia ada.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri merancang membina teater baharu atau menyediakan geran penaiktarafan bagi menyokong perkembangan seni persembahan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Dengan penutupan Penangpac, jumlah ruang persembahan khusus yang masih beroperasi di Pulau Pinang menjadi lebih terhad. Namun, beberapa ruang penting masih aktif iaitu:
- (i) Teater Utama dan Ruang Persembahan:
- 1) *One Theatre Hall* (dahulunya dikenali sebagai Penangpac): Bertempat di Straits Quay, Tanjung Tokong, ruang ini masih beroperasi dan mempunyai teater proscenium dengan kapasiti 300 tempat duduk dan teater kotak hitam dengan kapasiti 120 tempat duduk.
 - 2) Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM): Terletak di dalam kampus USM, dewan ini mempunyai auditorium yang besar dengan kapasiti sekitar 493 tempat duduk dan sering digunakan untuk pelbagai persembahan seni.
 - 3) *The Majestic Theatre Penang*: Bangunan bersejarah yang

telah dipulihkan di George Town, menawarkan ruang yang unik untuk pelbagai acara termasuk persembahan teater dengan kapasiti dewan utama sehingga 600 tempat duduk.

- 4) *iBOX Theatre, Triple-I Production House*: Teater yang lebih kecil terletak di *Sunny Point Complex* berdekatan dengan USM, dengan kapasiti sehingga 100 penonton.
- 5) Dewan Sri Pinang: Auditorium dengan kapasiti sehingga 2000 penonton.
- 6) Auditorium KOMTAR: Mempunyai beberapa buah auditorium dengan kapasiti sehingga 200 penonton.

(ii) Ruang Komuniti dan Alternatif:

- 1) *Hin Bus Depot*: Ruang seni komuniti di George Town yang menawarkan ruang terbuka dan dalaman yang boleh disewa untuk pelbagai jenis persembahan, pameran dan acara kreatif.
- 2) *Loft 29*: Ruang acara serba guna di George Town yang mempunyai auditorium yang boleh digunakan untuk persembahan.
- 3) *Soundmaker Studio*: Lebih dikenali sebagai tempat persembahan muzik secara langsung, tetapi juga terbuka untuk acara persembahan seni yang lain.
- 4) Ruang-ruang di hotel-hotel utama: Beberapa hotel seperti Hard Rock Hotel Penang mempunyai ruang acara yang kadang-kala digunakan untuk persembahan.
- 5) *Straits City Concept Centre*: Mempunyai ruang acara termasuk *Art Square* dan *Event Park* yang berpotensi untuk persembahan.
- 6) Setia SPICE: Mempunyai arena dan dewan konvensyen yang besar yang boleh menampung acara persembahan berskala besar.

- (a) Kerajaan Negeri sedang dalam proses menaik taraf Dewan Sri Pinang yang juga merupakan salah satu ruang persembahan yang sering digunakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

14. Nyatakan jumlah pelancong yang tiba di Pulau Pinang melalui kapal persiaran pada tahun 2024 dan bandingkan dengan tahun 2023 untuk menunjukkan trend.
- (a) Memandangkan potensi pelancongan kapal persiaran, adakah Kerajaan Negeri merancang strategi atau penambahbaikan infrastruktur serta kerjasama promosi dengan syarikat pelayaran?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Mengikut maklumat dari Jabatan Imigresen, jumlah pelancong yang tiba di Pulau Pinang melalui kapal persiaran pada tahun 2024 adalah seramai 244,903 orang berbanding tahun 2023 seramai 320,052 orang. Bilangan pelancong tahun 2024 menunjukkan trend penurunan sebanyak 23.5% berbanding tahun 2023.
- (a) Infrastruktur di Pelabuhan *Swettenham Pier Cruise Terminal* adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Namun begitu, *Penang Global Tourism* (PGT) terus berusaha mempromosikan pelancongan kapal persiaran di Pulau Pinang melalui jerayawara-jerayawara (roadshow) yang disertai di luar negara dan dalam negara.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* (PGT) telah mempromosikan pelancongan pelayaran dengan mewujudkan perkongsian strategik melalui laluan pelayaran antarabangsa. PGT juga telah mengambil bahagian dalam acara industri

berkaitan pelayaran seperti CruiseWorld Asia di Singapura untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi pelayaran terkemuka. PGT selaku agensi Kerajaan Negeri telah berhubung dengan pihak berkepentingan pelancongan global bagi mempromosikan lokasi strategik dan tarikan kebudayaan di Pulau Pinang. Kerjasama ini digabungkan dengan usaha pemasaran digital yang menyasarkan pelancong dari Singapura, Indonesia dan Eropah bagi memastikan aliran pelancong pelayaran yang konsisten ke negeri ini. Promosi aktif di platform antarabangsa ini sejajar dengan komitmen Pulau Pinang untuk bekerjasama dengan rakan industri dan menyesuaikan diri dengan permintaan pelancongan pelayaran yang sedang berkembang, membantu meletakkan Pulau Pinang sebagai persinggahan tumpuan dalam jadual perjalanan pelayaran Asia Tenggara.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

15. Nyatakan jawatan Pengetua dan Guru Besar di sekolah yang masih belum diisi dengan teliti.
- (a) Biasanya berapa lamakah tempoh masa yang diambil oleh pihak JPN untuk mengisi jawatan pengurusan dan pentadbiran ini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Jawatan Pengetua dan Guru Besar Sekolah di Negeri Pulau Pinang yang belum diisi adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH	JAWATAN	DAERAH
1	Sekolah Kebangsaan Dato Kramat	Guru Besar	Timur Laut
2	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bunga	Guru Besar	Timur Laut
3	Sekolah Kebangsaan Convent Pulau Tikus	Guru Besar	Timur Laut
4	Sekolah Kebangsaan Francis Light	Guru Besar	Timur Laut
5	Sekolah Kebangsaan Tanah Liat	Guru Besar	Seberang Perai Tengah
6	Sekolah Kebangsaan Titi Teras	Guru Besar	Barat Daya
7	SMK (P) Methodist	Pengetua	Timur Laut
8	SMK St Xavier	Pengetua	Timur Laut

BIL	NAMA SEKOLAH	JAWATAN	DAERAH
9	SMK Union	Pengetua	Timur Laut
10	SMK Jelutong	Pengetua	Timur Laut
11	SMK Guar Perahu	Pengetua	Seberang Perai Tengah
12	SMK Permatang Pasir	Pengetua	Seberang Perai Tengah
13	SMK Sungai Acheh	Pengetua	Seberang Perai Selatan
14	SMK Valdor	Pengetua	Seberang Perai Selatan
15	SMK Batu Kawan	Pengetua	Seberang Perai Selatan
16	SMK Bandar Tasek Mutiara	Pengetua	Seberang Perai Selatan
17	SMK Tun Syed Sheh Barakbah	Pengetua	Seberang Perai Selatan
18	SMK Seri Balik Pulau	Pengetua	Barat Daya
19	SMK Bertam Indah	Pengetua	Seberang Perai Utara
20	SMK Gemilang	Pengetua	Seberang Perai Utara

- (a) Secara umumnya, tempoh masa yang diambil oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk mengisi jawatan pengurusan dan pentadbiran adalah kurang daripada satu bulan. Namun demikian, tempoh ini bergantung kepada beberapa faktor seperti ketersediaan lulusan Program Kelayakan Profesional Kepemimpinan Pendidikan (NPQEL), proses penempatan dan penyediaan surat lantikan. Dalam keadaan tertentu, proses pengisian jawatan mungkin mengambil masa yang lebih lama bergantung kepada keperluan operasi dan situasi semasa. Terdapat lima di antara sekolah menengah yang tersenarai telah dihantar cadangan pemangkuan untuk jawatan Pengetua. Manakala yang lainnya tidak dapat diisi berikutan kekangan dari segi ketersediaan calon pengetua yang memenuhi syarat pelantikan. Namun begitu, pihak JPN akan membuat cadangan dari semasa ke semasa (sekiranya ada calon pengetua) untuk pengisian pengetua seterusnya dihantar ke Bahagian Pengurusan

Sumber Manusia (BPSM) untuk kelulusan. Setelah menerima kelulusan dari BPSM pihak JPN akan mengeluarkan Arahan Perkhidmatan (AP) kepada calon berkenaan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

16. Nyatakan SOP pihak JPN memantau atau menilai tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan *smartboard* atau *smart TV* di sekolah-sekolah dengan terperinci.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam pelaksanaan, pemantauan dan penilaian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan *smartboard* atau *smart TV* di sekolah-sekolah dalam Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(a) Penilaian Sebelum Penggunaan:

- (i) Audit Keperluan iaitu melihat latar belakang murid berkaitan kefahaman teknologi/ tahap literasi digital murid di samping menyemak kemahiran guru dalam menggunakan *smartboard/ smart TV*; dan
- (ii) Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) iaitu penggunaan teknologi dalam penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) melalui *smartboard*.

(b) Pemantauan Semasa Pengajaran:

- (i) Pemerhatian kelas iaitu dengan membuat senarai semak khusus untuk digunakan oleh para guru. Misalnya, adakah guru menggunakan ciri interaktif dalam

memastikan murid dilibatkan secara aktif. Selain itu, guru menilai murid dengan memberi perhatian kepada murid yang terlibat dengan penggunaan *smartboard*; dan

- (ii) Rekod Video iaitu merakam proses PdP (dengan izin) untuk menganalisis dan menilai bagaimana guru serta murid berinteraksi dengan kandungan digital.

(c) Penilaian Pasca Penggunaan:

- (i) Refleksi Murid iaitu temubual pendek (secara kumpulan kecil) seperti bertanya pengalaman murid berkaitan penggunaan *smartboard* di sekolah;
- (ii) Refleksi Guru iaitu soal selidik dalam bentuk *Google Form* diedarkan kepada para guru bagi menilai penggunaan *smartboard/ smart TV* dari kalangan guru adakah dapat membantu meningkatkan kefahaman murid, memudahkan PdP guru dan adakah penggunaan *smartboard/ smart TV* dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran dalam bilik darjah lebih selesa; dan
- (iii) Melaksanakan analisis prestasi iaitu Pengetua atau Guru Besar akan memantau dan menyemak rekod kekerapan penggunaan *smartboard/ smart TV* di sekolah menerusi senarai semak yang disediakan. Di samping itu, pihak sekolah akan membuat perbandingan prestasi akademik dalam topik yang menggunakan *smartboard/ smart TV* dan yang tidak menggunakannya. Selanjutnya, pihak sekolah juga akan melaksanakan pemantauan peningkatan dalam aktiviti aktif murid melalui kuiz, latihan, projek dan sebagainya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

17. Apakah perancangan JPN untuk memperkasa latihan guru dan aktiviti murid dalam program kokurikulum pasukan badan beruniform bukan kerajaan di sekolah-sekolah? Nyatakan jumlah murid/ pelajar yang terlibat dalam ini.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Berikut ialah cadangan Perancangan Jangka Pendek dan Jangka Panjang Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk memperkasa latihan guru dan aktiviti murid dalam program kokurikulum pasukan badan beruniform *Non-Governmental Organization* (NGO) di sekolah adalah seperti berikut:
- (a) Perancangan Jangka Pendek (2025-2026) iaitu dengan memfokuskan Pelaksanaan Segera & Pengukuhan Asas:
- (i) Latihan Guru iaitu dengan melaksanakan bengkel intensif guru penasihat badan NGO bersama NGO induk seperti Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), Pengakap, Pandu Puteri dan sebagainya. Kedua, pengenalan modul e-Latihan khas kokurikulum NGO dalam sistem *Digital Education Learning Initiative* Malaysia (DELIMa). Seterusnya, ketiga melaksanakan kursus pendek dalam talian berasaskan kemahiran asas NGO (pertolongan cemas dan kepimpinan);

- (ii) Aktiviti Murid iaitu penganjuran mini perkhemahan atau hari NGO peringkat sekolah/ daerah. Kedua, pertandingan asas NGO seperti kawad kaki, lencana kemahiran dan kuiz NGO. Ketiga, galakan penyertaan dalam projek komuniti (gotong-royong, derma darah dan kempen kesihatan); dan
 - (iii) Membuat Pemantauan iaitu pertama, menilai tahap penyertaan murid melalui sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kedua, melaksanakan kajian keberkesanan latihan guru melalui soal selidik dalaman.
- (b) Perancangan Jangka Panjang (2027-2031) iaitu memfokuskan Pembangunan Berterusan, Kualiti & Jaringan Luas seperti berikut:
- (i) Latihan Guru iaitu pertama, penubuhan Pusat Latihan Kokurikulum Beruniform NGO peringkat negeri. Kedua, mewujudkan sijil kepakaran untuk guru penasihat badan NGO secara berstruktur misalnya, *Certified Co-Curricular Officer*. Ketiga, menyediakan penempatan guru penasihat NGO mengikut keperluan dan kepakaran;
 - (ii) Aktiviti Murid iaitu pertama, penganjuran perkhemahan NGO peringkat negeri/ kebangsaan secara berkala. Kedua, program pertukaran NGO sekolah antara negeri atau dengan negara ASEAN. Ketiga, pewujudan Kumpulan Elit NGO sekolah (murid terbaik NGO diberi bimbingan lanjutan);
 - (iii) Kerjasama Strategik iaitu pertama, pemeteraian *Memorandum of Understanding* (MOU) antara JPN dengan NGO rasmi seperti Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), St. John dan sebagainya untuk latihan bersijil dan modul jangka panjang. Kedua, penajaan swasta bagi aktiviti NGO pelajar. Ketiga, galakan penyertaan alumni NGO sebagai mentor; dan

- (iv) Pemantauan & Penilaian iaitu dengan mewujudkan sistem pemantauan digital aktiviti NGO berasaskan data (*Dashboard* Kokurikulum Negeri). Kedua, anugerah tahunan JPN untuk sekolah terbaik NGO, guru penasihat cemerlang dan murid unggul.

Selain itu, jumlah murid/ pelajar yang terlibat bagi dari tahun 2024 hingga 2025 di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Badan Beruniform St. John seramai 4,570 orang;
- (ii) Pandu Puteri seramai 3,910 orang; dan
- (iii) Bulan Sabit Merah Malaysia seramai 1,549 orang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

18. Apakah status semasa projek Penang South Reclamation (PSR)?
- (a) Terangkan dengan memperincikan agihan dan pelan pembangunan semasa serta pelaksanaan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. *Penang South Reclamation (PSR)* adalah pembangunan bercampur berkonsepkan bandar hijau dan pintar yang melibatkan pembentukan Pulau Silikon berkeluasan 2,300 ekar yang mengutamakan zon perindustrian berteknologi tinggi. Kerja-kerja penambakan terbahagi kepada dua (2) fasa di mana fasa 1 melibatkan kerja-kerja tebus guna tanah seluas 1,260 ekar manakala fasa 2 akan melibatkan baki sebanyak 1,040 ekar.

Tempoh penambakan akan mengambil masa 10-15 tahun untuk disempurnakan. Sehingga 30 April 2025, seluas 150 ekar tanah telah ditambah sejak bermulanya kerja penambakan secara fizikal pada September 2023.

- (a) Berdasarkan Pelan Kebenaran Merancang bagi projek Pembangunan PSR yang telah diluluskan, pelaksanaan projek ini mempunyai perancangan bagi keluasan tanah dan kegunaannya seperti berikut :

KOMPONEN GUNATANAH	PERMOHONAN KM PEMBANGUNAN BERCAMPUR PULAU A (SILICON ISLAND)			
	BIL PLOT	EKAR	%	JUMLAH KEDIAMAN
PERUMAH	32	388.14	16.88	19,009
KOMERSIAL	24	139.60	6.07	
PEMBANGUNAN BERCAMPUR	15	164.32	7.14	12,058
PERINDUSTRIAN	36	566.41	24.63	
KEMUDAHAN MASYARAKAT	17	57.54	2.50	
KAWASAN LAPANG & REKREASI		402.59	17.50	
KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR & UTILITI	53	519.79	22.60	
PENGANGKUTAN - Hub Pengangkutan (KAD)	1	61.61	2.68	
JUMLAH KESELURUHAN	178	2,300.00	100.00	31,067

Pembangunan semasa projek Pulau Silikon kini tertumpu kepada pembangunan depoh LRT dan taman perindustrian teknologi yang dikenali sebagai *Green Tech Park*. Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk menyerahkan tanah depoh LRT kepada pihak MRT Corporation pada hujung tahun 2025 dan pemulaan pengoperasian *Green Tech Park* menjelang 2027.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

19. Apakah inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian secara terperinci?
- (a) Apakah sokongan khusus yang disediakan untuk pertanian bandar dan apakah hasil atau impak setakat ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan program seperti yang berikut:
- (i) **Program Petani Pelapis** bertujuan melatih dan membimbing generasi muda dalam bidang pertanian untuk memastikan kesinambungan tenaga kerja dalam sektor ini;
 - (ii) **Program Tabung Usahawan Tani** dengan menyediakan bantuan kewangan kepada belia yang ingin menceburi bidang pertanian secara komersial;
 - (iii) **Program Perkebunan Komuniti** yang menyediakan bantuan latihan, pembiayaan dan teknologi;
 - (iv) **Program Inkubator Pertanian** dengan menyediakan tapak dan bimbingan kepada peserta belia untuk

menjalankan projek pertanian sebenar dalam tempoh masa yang tertentu;

- (v) **Kursus dan Latihan Teknikal** agar belia dapat menguasai kemahiran pertanian pintar (*smart farming*) termasuk penggunaan *Internet of Things* (IoT), sensor tanah dan sistem pemantauan tanaman automatik, pertanian bandar (*urban farming*) seperti hidroponik dan akuaponik serta merancang penanaman dan pemasaran hasil; dan
 - (vi) **Bimbingan dan Coaching** secara berterusan dengan latihan kemahiran teknikal diberikan secara formal dan tidak formal oleh pegawai pertanian yang berkaitan.
- (a) Kerajaan Negeri sentiasa menyokong dan mempromosikan pertanian bandar di Negeri Pulau Pinang. Program-program pertanian bandar yang telah dilaksanakan serta memberi impak dan hasil kepada pengusaha adalah seperti yang berikut:
- (i) **Kebun Komuniti dan Hab Pertanian Bandar; dan**
 - 1) Sehingga tahun 2024, sebanyak 333 kebun komuniti telah dilaksanakan di pelbagai lokasi mengikut kategori melibatkan 6,665 orang peserta. Perincian seperti di **LAMPIRAN A**.

KEBUN KOMUNITI DAN HAB PERTANIAN BANDAR

TAHUN	KATEGORI												JUMLAH KESELURUHAN (TAHUN)	
	INDIVIDU (BIL)		USAHAWAN (BIL)		KOMUNITI (BIL)		SEKOLAH (BIL)		INSTITUSI (BIL)		PEMINDAHAN TEKNOLOGI (BIL)			
	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA	LOKASI	PESERTA
2019	17	235	0	0	23	525	14	340	6	123	1	50	61	1273
2020	6	86	0	0	23	480	15	720	7	175	2	60	53	1521
2021	0	0	6	6	14	140	14	140	10	100	1	60	45	446
2022	8	8	0	0	25	292	27	357	12	157	3	150	75	964
2023	0	0	0	0	16	191	40	415	10	115	4	1240	70	1961
2024	0	0	0	0	9	90	10	100	7	70	3	240	29	500
2025	0	0	0	0	19	190	22	220	5	50	2	300	48	760
JUMLAH KESELURUHAN	31	329	6	6	129	1908	142	2292	57	790	16	2100	381	7425

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

20. Apakah statistik kemiskinan bandar di Pulau Pinang mengikut daerah sejak tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah langkah khusus yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani kemiskinan bandar, terutama dalam konteks pasca-pandemik?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Di Pulau Pinang, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan telah mendapat taraf bandaraya. Menurut Pejabat Pembangunan Negeri (ICU JPM) Pulau Pinang, penilaian kemiskinan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Bandar yang merangkumi Miskin Tegar dan Miskin. Kadar PGK Per Kapita bagi kategori Miskin Tegar ialah RM315, manakala bagi kategori Miskin ialah RM719.

Data berikut menunjukkan jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar sebagai Miskin Tegar dalam sistem eKasih, mengikut pecahan daerah dari tahun 2020 sehingga 5hb Mei 2025:

DAERAH	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Barat Daya	149	962	503	579	7	31
Seberang Perai Selatan	195	1,054	523	651	10	44
Seberang Perai Tengah	406	1,921	916	1,080	19	48
Seberang Perai Utara	610	3,796	1,543	1,904	19	110
Timur Laut	194	1,227	876	744	12	81
JUMLAH	1,554	8,960	4,361	4,958	67	314

*Data ini berdasarkan data dinamik eKasih yang berakhir 31 Disember setiap tahun dan data tahun semasa bertarikh 5 Mei 2025.

Data berikut menunjukkan jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang berdaftar sebagai Miskin dalam sistem eKasih, mengikut pecahan daerah dari tahun 2020 sehingga 5 Mei 2025:

DAERAH	2020	2021	2022	2023	2024	2025
Barat Daya	2,706	6,022	6,365	6,115	6,115	6,549
Seberang Perai Selatan	3,037	6,784	6,851	6,957	6,957	8,595
Seberang Perai Tengah	5,574	10,548	10,531	10,234	10,234	12,172
Seberang Perai Utara	12,384	18,709	18,389	18,495	18,495	22,790
Timur Laut	2,391	5,279	5,600	5,701	5,701	7,897
JUMLAH	26,092	47,342	47,736	47,502	47,502	58,003

*Data ini berdasarkan data dinamik eKasih yang berakhir 31 Disember setiap tahun dan data tahun semasa bertarikh 5 Mei 2025.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah strategik dalam usaha menangani isu miskin tegar. Inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk:
- (i) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD) yang berperanan untuk melaksanakan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat, serta mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaannya di peringkat daerah;
 - (ii) Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut mengambil langkah tambahan yang proaktif melalui Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mulai 1 Januari 2025, kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) di bawah BAES akan dinaikkan dari RM260.00 kepada RM322.00 per kapita. Setiap permohonan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipertimbangkan dengan kadar

bantuan antara RM100.00 (minimum) hingga RM1,300.00 (maksimum) sebulan;

- (iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) di bawah Projek Khas Ekonomi diwujudkan sebagai inisiatif dalam menoktahkan kemiskinan dengan memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin yang telah menjalankan perniagaan dengan pendapatan perniagaan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Melalui Pejabat Daerah dan Tanah, bantuan peralatan diberikan bagi tujuan membantu peniaga mengembangkan perniagaan sedia ada untuk output yang lebih besar dan secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi kelangsungan hidup yang lebih terjamin; dan
- (iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar membantu golongan yang tidak berkemampuan dengan menyediakan kediaman yang selamat dan selesa serta kemudahan dan peruntukan bagi pembaikan fizikal rumah yang terjejas.

Program-program ini mencerminkan usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam usaha membantu mengurangkan golongan miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

21. Apakah kesan langsung dan tidak langsung terhadap industri pembuatan di Pulau Pinang susulan isu tarif perdagangan antara Amerika Syarikat dan negara-negara lain?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri telah membuat sebarang kajian impak atau menyediakan pelan mitigasi? Jelaskan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

21. (a) Kesan pelaksanaan tarif baru oleh Amerika Syarikat terhadap industri eksport Pulau Pinang, khususnya sektor elektrik dan elektronik seperti berikut:
- (i) Pengenaan tarif timbal balik oleh Amerika Syarikat ke atas eksport 57 negara dan wilayah sememangnya telah menggegarkan dunia termasuk Malaysia. Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling berpotensi terkesan dengan pelaksanaan tarif timbal balik memandangkan Amerika Syarikat merupakan negara kedua tertinggi dalam senarai eksport dari Pulau Pinang dengan nilai RM76 bilion bersamaan 17peratus daripada keseluruhan nilai eksport negeri pada 2023. Malah, negara tersebut juga merupakan rakan dagangan utama kepada Pulau Pinang dengan lebih dagangan bernilai RM 57.7bilion pada tahun 2024. Justeru, pelaksanaan tariff ini dikhuatiri bakal memberi impak serius kepada Pulau Pinang dan negeri-negeri lain dalam Malaysia.

(ii) Kesan kepada Pemain Industri Pulau Pinang.

- 1) Situasi kenaikan tarif menyebabkan pembelian dan pesanan dari Amerika Syarikat menjadi perlahan. Situasi ini menyebabkan perniagaan pemain-pemain industri di Pulau Pinang menjadi kurang berdaya saing seterusnya memberi tekanan dan menggugat kesinambungan perniagaan pemain industri dalam ekonomi negeri.
- 2) Syarikat-syarikat berorientasikan eksport kini menilai semula strategi perniagaan dengan serta merta. Banyak syarikat kini menyemak semula unjuran untung dan rugi (*profit and loss*) masing-masing sambil meneroka usaha penjajaran semula rangkaian bekalan.
- 3) Perniagaan antarabangsa dan tempatan di Pulau Pinang mengambil langkah berhati-hati serta pendekatan tunggu dan lihat (*wait and see approach*). Perkara ini secara tidak langsung telah melambatkan keputusan pelaburan jangka panjang

(iii) Sektor Elektrik dan Elektronik

- 1) Terdapat kebimbangan meningkat mengenai kemungkinan akan berlaku lambakan inventori berlebihan dari negara-negara serantau ke dalam pasaran tempatan Malaysia. Situasi ini akan menjejaskan harga pasaran dan meningkatkan jumlah inventori tidak terjual.
- 2) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
 - a) Situasi lambakan inventori berlebihan dari negara luar ini boleh menggugat pengilang tempatan, khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan mengganggu harga pasaran barangan serta mengurangkan lagi margin keuntungan PKS tempatan.

b) Industri PKS tempatan turut terkesan kerana kenaikan kos menjalankan perniagaan disebabkan oleh polisi-polisi dalam negara. Ia termasuk gaji minimum baru, peningkatan tarif elektrik, peningkatan cukai jualan dan perkhidmatan. Selain itu, PKS juga perlu menghadapi peningkatan pemerolehan asing syarikat tempatan yang menyebabkan PKS bergelut untuk bersaing dalam kos dan produktiviti. Namun begitu, PKS tempatan juga boleh menikmati manfaat dari strategi *China Plus One*.

3) Industri Semikonduktor

a) Pengeunaan tarif yang tinggi oleh Amerika Syarikat berpotensi memberi impak signifikan dan menjejaskan persepsi pelabur terhadap daya saing industri semikonduktor di Pulau Pinang sebagai destinasi eksport utama ke pasaran Amerika Syarikat.

4) Pelaburan

a) Terdapat kemungkinan pemindahan operasi pengilangan ke negara-negara yang menerima impak tarif lebih rendah dan/atau memindahkan sebahagian operasi ke Amerika Syarikat. Terdapat pengusaha-pengusaha sedang mempertimbangkan memindah sebahagian rangkaian bekalan pembuatan ke negara Mexico dan Brazil. Akan tetapi, keputusan muktamad masih belum dibuat disebabkan keadaan yang tidak menentu dan perubahan dasar yang begitu pantas dan di luar jangkaan.

(iv) Kerajaan Negeri komited dalam menjajarkan semula, menentu ukur semula dan mengesahkan semula peranan Pulau Pinang sebagai pemacu ekonomi utama negara. Kerajaan Negeri akan mengatasi rintangan ini menerusi kerjasama, penyelarasan dan keyakinan terhadap rakyat dan industri.

Susulan itu, satu sesi perbincangan bertajuk “Tindak Balas Strategik terhadap Tarif Amerika Syarikat” telah diadakan pada 11 April 2025 di *Penang Institute*. Perbincangan ini dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan dihadiri oleh 35 peserta termasuk wakil Kerajaan Negeri, agensi Negeri dan Persekutuan, Bank Negara Malaysia, institusi pendidikan, persatuan perdagangan, dewan perniagaan, PKS dan syarikat multinasional. Berikut adalah hasil perbincangan tersebut iaitu:

- 1) Penubuhan Pasukan Petugas Pemantauan Tarif (Penang Tariff Monitoring Taskforce) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau perkembangan global dan mengadakan sesi libat urus dengan sektor yang terkesan; dan
- 2) Kerjasama berterusan dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (Trade Adaptation Toolkit) yang akan membantu industri menyesuaikan strategi perniagaan mereka.

Selain itu, Kerajaan Negeri menerusi *Invest Penang* telah mengadakan dua (2) sesi libat urus bersama industri pada 17 April 2025 dan 18 April 2025 untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada pemain industri. Sesi- sesi berkenaan turut dihadiri oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA). Hasil dapatan yang diperolehi turut dikongsikan kepada kementerian-kementerian berkenaan.

- (i) Sebagaimana intipati usul YAB Ketua Menteri pada sempena Mesyuarat Khas Penggal Keempat Majlis Parlimen Kelima Belas Dewan Rakyat pada 5 Mei lalu, Pulau Pinang telah mengambil pelbagai inisiatif, insentif atau pelan mitigasi untuk mempelbagaikan domain pasaran antarabangsa bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan mengurangkan kebergantungan pada satu negara tertentu untuk akses pasaran iaitu:

- 1) Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi membangunkan Kit Penyesuaian Perdagangan (Trade Adaptation Toolkit) bagi pemain-pemain industri. Kit Penyesuaian ini akan merangkumi sumber praktikal untuk membantu pemain-pemain industri memanfaatkan pasaran alternatif di bawah perjanjian perdagangan serantau dalam ASEAN serta perjanjian-perjanjian sedia ada seperti Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP);
- 2) Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan negeri, *Invest Penang* juga aktif menjalankan misi pelaburan dan perdagangan ke negara-negara asing seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan, Negara Eropah, China, Amerika Syarikat, Singapura dan sebagainya saban tahun. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelabur baharu serta mencari peluang-peluang pasaran baharu. Selain itu, *Invest Penang* juga turut menyertai pelbagai ekspo antarabangsa seperti *SEMICON Southeast Asia*, *Kumamoto Industrial Revitalization Expo*, *World Fujian Convention & Exhibition*, *World Congress on Innovation & Technology (WCIT)* dan sebagainya. Usaha ini dapat meningkatkan keterlihatan (*visibility*) Pulau Pinang kepada pasaran-pasaran baharu;
- 3) Bagi meningkatkan kedudukan Pulau Pinang dalam rantai nilai semikonduktor, Kerajaan Negeri akan mengekalkan komitmennya terhadap garis panduan Strategi Semikonduktor Kebangsaan (NSS) dan inisiatif Penang Silicon Design @5km+. Kemajuan ini akan dicapai dengan memupuk jaguh tempatan dalam reka bentuk litar bersepadu (IC). Jumlah pelaburan untuk inisiatif Penang Silicon Design @5km+ diunjurkan sebanyak RM120.0 juta dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan telah

bersama-sama mewujudkan geran padanan untuk memacu inisiatif ini ke hadapan. Kerjasama ini akan meletakkan Malaysia, khususnya Negeri Pulau Pinang sebagai peneraju terkemuka dalam ekosistem reka bentuk IC, memacu inovasi dan pertumbuhan ekonomi; dan

- 4) Bagi menarik dan menyokong lebih ramai pemain reka bentuk IC menubuhkan dan mengembangkan operasi mereka di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menawarkan skim pakej insentif yang terdiri daripada subsidi bernilai sehingga RM2.0 juta setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun kepada kedua-dua syarikat reka bentuk IC tempatan dan asing yang berpangkalan di Malaysia. Walau bagaimanapun, inisiatif ini bergantung kepada pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam memastikan pelaksanaan penuh program dan sokongan untuk pertumbuhan industri ini.
- (iv) Berasaskan pengumuman serta analisis terkini pada 15 Mei 2025 bertajuk “Ahli Ekonomi Percaya Tarif Asas 10 peratus Amerika Syarikat Akan Dikekalkan” menyatakan bahawa tempoh 90 hari penangguhan peningkatan tarif antara Amerika Syarikat (AS) dan China dilihat sebagai langkah meredakan ketegangan, sekali gus mengurangkan kemungkinan tercetusnya perang perdagangan secara menyeluruh.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain mungkin akan menghadapi rundingan yang kurang tegang dengan AS berbanding pengalaman China. Namun, negara-negara lain termasuk Malaysia perlu bersedia menerima tarif asas 10 peratus dan mempertimbangkan untuk membuat konsesi bagi mencapai hasil yang saling menguntungkan. Umumnya, genjatan senjata tarif sementara ini telah meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi negara, dengan unjuran pertumbuhan ekonomi disemak semula ke arah yang lebih positif.

Sementara itu, dalam analisis artikel siaran media perdana, *The Star* juga pada 15 Mei 2025 bertajuk “Malaysia masih lokasi utama untuk kepelbagaian rantai bekalan” menegaskan bahawa ketegangan perdagangan antara dua (2) gergasi AS dan China yang dikatakan ‘reda’ buat sementara waktu menjadikan Malaysia terus menjadi destinasi pilihan bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan strategi "China+1" untuk mempelbagaikan rantai bekalan masing-masing.

Malah, penggantungan tarif selama 90 hari antara AS dan China tidak mungkin membawa kepada perjanjian jangka panjang. Tarif yang tinggi dijangka akan berterusan, sekaligus mengukuhkan keperluan untuk kepelbagaian rantai bekalan. Walaupun begitu, kedudukan geografi Malaysia yang strategik, kos buruh yang kompetitif serta kadar pertukaran menggalakkan akan terus menjadikan negara ini pilihan menarik bagi syarikat multinasional (MNC) yang ingin mempelbagaikan operasi mereka.

Walaupun aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) mungkin mengalami turun naik dalam jangka masa pendek akibat ketidaktentuan semasa, unjuran jangka panjang kekal positif dengan jangkaan peningkatan pelaburan dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Pengoperasian perniagaan dijangka mengambil pendekatan tunggu dan lihat sepanjang tempoh kelonggaran 90 hari ini, dengan menanggungkan pelaburan besar sehingga terdapat petunjuk yang lebih jelas daripada rundingan antara AS dan China.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

22. Terdapat aduan bahawa beberapa pelajar baru memasuki Tingkatan 1 terpaksa berkongsi meja, berapakah sekolah yang masih mempunyai masalah kelengkapan tidak cukup? Nyatakan masalahnya dengan terperinci.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Menurut Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP), terdapat tiga (3) sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) kawasan DUN Berapit iaitu SMK Berapit, SMK Jalan Damai dan SMK Bukit Mertajam. Berdasarkan semakan terkini, keperluan sedia ada adalah mencukupi. Hal ini kerana permohonan tambahan telah dipertimbang dan mendapat kelulusan. Di samping itu, proses pembekalan permohonan tambahan bagi kerusi meja ke sekolah berkenaan telah selesai proses sebut harga dan dalam proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) ke syarikat yang berjaya. Pembekalan perabot akan diterima secara berfasa dan berdasarkan peruntukan yang diterima pada tahun semasa.

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	LOKASI TAPAK	KELUASAN TAPAK (EKAR)	UNIT SEDIA ADA DI TAPAK	STATUS SEMASA
1.	PSB MAHSURI	BARAT DAYA	LOT 2319, 2320, 2321, 2322, 2323, 2324 & 2325, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG	6.40	300	PERINGKAT PELAKSANAAN. SURAT SETUJU TERIMA (SST) PEMAJU BERTARIKH 9 OKTOBER 2023. STATUS SEMASA BAGI PEMBANGUNAN FASA 1 TELAH SELESAI PENAMATAN HAKMILIK STRATA DAN PINDAH MILIK BAGI LOT 2323. PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG TELAH DILULUSKAN PADA 28 FEBRUARI 2025 (MBPP-KM20240730-010).
2.	PSB FREE SCHOOL	TIMUR LAUT	LOT 10018 DAN LOT 3344, SEKSYEN 6, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	18.35	1,128	MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH LPNPP BILANGAN 1 TAHUN 2024 PADA 22 APRIL 2024 BERSETUJU PROJEK PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (PSB) FREE SCHOOL DIPINDA KE RP3 TAHUN 2028 BAGI MEMBERI GAMBARAN PELAKSANAAN SEBENAR

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	LOKASI TAPAK	KELUASAN TAPAK (EKAR)	UNIT SEDIA ADA DI TAPAK	STATUS SEMASA
						PROJEK PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR DENGAN MENJADIKAN PROJEK PSB MAHSURI SEBAGAI CONTOH.
3.	PSB MAK MANDIN	SEBERANG PERAI UTARA	TANAH KERAJAAN PETAK A BERSEBELAHAN LOT 10027 (PADANG), LOT 10026, LOT 10027, LOT 10028, LOT 2433 DAN LOT 4888, SEKSYEN 3, BUTTERWORTH, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG	13.71	820	PERINGKAT PELAKSANAAN. DALAM PROSES PEROLEHAN PANGGILLAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (REQUEST FOR PROPOSAL - RFP) BAGI PELANTIKAN PEMAJU. JANGKAAN PELANTIKAN PEMAJU PADA SUKUAN KETIGA 2025 (Q3 2025).
4.	PSB SIAKAP	SEBERANG PERAI TENGAH	LOT 3397, LOT 3398, LOT 3399, LOT 3402, LOT 3403 DAN SEBAHAGIAN LOT 3404, MUKIM 1, DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG	5.50	120	PERINGKAT PELAKSANAAN. SURAT SETUJU TERIMA PELANTIKAN PMC BERTARIKH 6 OGOS 2024 TELAH DISERAHKAN KEPADA PETENDER BERJAYA. STATUS SEMASA DALAM PROSES UNTUK PENGAKTIFAN SEMULA PERBADANAN PENGURUSAN

LAMPIRAN A

BIL	NAMA PROJEK	DAERAH	LOKASI TAPAK	KELUASAN TAPAK (EKAR)	UNIT SEDIA ADA DI TAPAK	STATUS SEMASA
						(MANAGEMENT CORPORATION - MC).
5.	PSB PADANG TEMBAK	TIMUR LAUT	LOT 1275 - LOT 1283, SEKSYEN 2, BANDAR AIR ITAM, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG	18.25	3,653	PLAN@MALAYSIA DALAM PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) PADANG TEMBAK.
6.	PSB TAMAN MESRA	SEBERANG PERAI UTARA	LOT 2692, 2693, 2694, 2699, 2700 DAN 2703, MUKIM 14, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	7.36	816	PERINGKAT PERANCANGAN
				67.59	6,837	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

23. Apakah pelan Kerajaan Negeri dalam usaha memperbaharui dan menaik taraf kawasan perumahan berstrata lama di negeri ini sebagai sebahagian daripada inisiatif urban rejuvenation?
- (a) Apakah senarai bangunan yang telah dikenal pasti dan status tindakan semasa?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Bagi kawasan perumahan lama yang bangunannya melebihi 40 tahun, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi membolehkan Pelaksanaan Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di Pulau Pinang dengan mewujudkan Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (Pembangunan Perumahan) Pulau Pinang (telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 9 Tahun 2022 pada 20 September 2022). Ia dilihat mendapat sokongan yang positif dari Kerajaan Persekutuan dengan pengumuman Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar yang diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-81 pada 2 November 2023.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) juga sentiasa berhubung dengan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mendapat hala tuju dan jangka masa kelulusan Akta PSB. Melalui Akta PSB tersebut, terdapat beberapa kaedah pelaksanaan PSB dan beberapa pindaan kepada akta sedia ada bagi melancarkan

operasi pelaksanaan projek PSB ini. Akta PSB ini dijangka diluluskan pada tahun ini (2025).

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan beberapa projek perintis PSB di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mutiaraku (RMKu) yang akan dilaksanakan oleh LPNPP. Sehingga sukuan pertama tahun 2025, sebanyak enam (6) projek PSB telah dikenal pasti yang akan melibatkan 6,837 unit kediaman sedia ada. Pemilik-pemilik kediaman sedia ada ini akan mendapat unit gantian yang lebih luas dan selesa dengan dilengkapi kemudahan masyarakat serta tempat letak kenderaan berbanding unit asal yang kecil (247kps hingga 500kps) tanpa tempat letak kenderaan. Unit gantian ini akan diberikan secara percuma. Perincian skim perumahan tersebut beserta status semasa pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

24. Terdapat banyak tapak padang lapang yang telah dibangunkan secara tidak sah sebagai gelanggang bola keranjang.
- (a) Nyatakan bilangan mengikut DUN.
 - (b) Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengesahkan gelanggang tersebut?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Sehingga kini, maklumat yang diperolehi daripada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Pulau Pinang menyatakan tiada gelanggang bola keranjang yang dibangunkan secara tidak sah.
- (a) Data bagi gelanggang bola keranjang yang dibangunkan secara tidak sah tidak dapat dinyatakan memandangkan sehingga kini tiada aduan dilakukan kepada jabatan dan agensi berkaitan.
 - (b) Pemohon boleh membuat permohonan rasmi kepada Bahagian Tanah, Pejabat Daerah dan Tanah untuk diangkat kepada pertimbangan Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

25. Apakah pelan pembangunan atau penggunaan semasa terhadap tanah kosong milik kerajaan di kawasan balai polis dan klinik kesihatan di Perkampungan Berapit?
- (a) Nyatakan jadual kerja-kerja penyelenggaraan seperti pemotongan rumput dalam setahun dan oleh pihak mana, agar tidak menyusahkan penduduk setempat.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

25. Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Tengah (PDT SPT) telah membuat semakan dan mendapati bahawa Lot 1888 Mukim 9 di kawasan Balai Polis dan Klinik Kesihatan Perkampungan Berapit adalah Tanah Rizab Kerajaan Persekutuan di bawah kawal selia Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Agensi pengguna Tanah Persekutuan bagi Balai Polis adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) manakala klinik adalah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Berdasarkan maklumat PDRM, sehingga kini tiada pelan pembangunan yang dirancang di atas tanah tersebut. Manakala pihak KKM memaklumkan bahawa tiada perancangan bagi kegunaan tanah kosong di Perkampungan Berapit kerana lokasi dan keluasan tanah sedia ada tidak sesuai bagi pembinaan sebuah lagi fasiliti kesihatan.

- (a) Kerja-kerja penyelenggaraan juga adalah di bawah bidang kuasa dan pentadbiran PTP. Pihak PDRM memaklumkan bahawa pemotongan rumput dan kebersihan kawasan dijalankan secara berkala untuk memastikan kawasan

tersebut sentiasa bersih dengan menggunakan peruntukkan semasa (*one off*) di peringkat Jabatan. Pihak KKM pula memaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan sebaik mendapat peruntukan sewajarnya

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

26. Cadangan pelebaran Jalan Kampung Besar.

- (a) MBSP telah memberi surat kepada RAC pada bulan Jun 2022 dengan cadangan bina jalan alternatif. Apakah status?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh *Railway Assets Corporation* (RAC), cadangan untuk membina jalan alternatif di atas sebahagian Lot 1932 seperti mana yang dikemukakan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan justifikasi-justifikasi seperti berikut:
- (i) Lot 1932 merupakan tanah hak milik RAC yang digunakan untuk tujuan pengoperasian kereta api;
 - (ii) Sebahagian Lot 1932 juga merupakan tapak kuarters kereta api; dan
 - (iii) Implikasi kepada RAC yang akan dipertanggungjawabkan terhadap sebarang aduan, kamalangan dan penyelenggaraan jalan sekiranya pengambilan atau pelepasan sebahagian tanah terlibat tidak dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

27. Berapakah jumlah peserta Malaysia My Second Home (MM2H) yang menetap di Pulau Pinang mengikut kewarganegaraan dan daerah, sebelum dan selepas dasar baharu MM2H diumumkan?
- (a) Berapakah jumlah transaksi dan nilai hartanah yang terlibat secara terperinci mengikut daerah dan pada tahun dilakukan?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Menerusi dasar Program Malaysia My Second Home (MM2H) sebelum ini (2002 – 2023) tidak menetapkan syarat wajib kepada peserta program MM2H untuk membuat pembelian rumah dan merekodkan lokasi penempatan peserta di Malaysia. Walau bagaimanapun, penambahbaikan dasar dan syarat-syarat baharu Program MM2H telah mewajibkan peserta program membeli dan memiliki rumah, di mana statistik berhubung jumlah pembeli rumah dan warga asing yang menetap mengikut negeri serta lokasi akan direkodkan untuk rujukan pihak-pihak yang berkaitan.

Peserta Program MM2H diberi tempoh sehingga satu tahun selepas mendapat kelulusan untuk menyempurnakan proses pemilikan/pembelian rumah. Berdasarkan rekod Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), seramai sembilan (9) orang peserta Program MM2H telah membuat pembelian rumah di Pulau Pinang.

- (a) Nilai transaksi pembelian perumahan yang dibuat oleh peserta Program MM2H di Pulau Pinang adalah sebanyak RM16,613,500.00 dengan lokasi semua pembelian rumah di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(A)(XX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB HENG LEE LEE**

28. Menuju ke arah bandar mesra warga emas, nyatakan usaha jabatan berkaitan bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan untuk merangka polisi dan keperluan asas bagi kemudahan komuniti di masa depan. Senaraikan contoh polisi tersebut.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama strategik pihak Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), dalam usaha merealisasikan inisiatif Bandar Mesra Usia.

Setakat ini, tiada contoh polisi rasmi yang boleh dikongsikan kerana proses penggubalan masih bergantung kepada laporan akhir kajian. Hanya selepas laporan tersebut dikemukakan barulah Kerajaan Negeri akan dapat mengenal pasti keperluan sebenar, kelompongan sedia ada serta merangka cadangan polisi yang relevan dan bersesuaian dengan konteks negeri ini.

Perlu difahami bahawa keperluan warga emas tidak bersifat seragam, ia berbeza mengikut latar sosio ekonomi, demografi dan tahap kesediaan komuniti di sesebuah kawasan. Maka, pendekatan dasar mesti bersifat *evidence-based* dan berpandukan nasihat pakar, bukan sekadar meniru model luar atau melaksanakan polisi secara umum.

Oleh itu, adalah penting untuk ditegaskan bahawa sebarang polisi berkaitan warga emas tidak boleh digubal secara tergesa-gesa tanpa berdasarkan data, penemuan dan analisis yang sah.

Sekiranya memerlukan maklumat yang lebih terperinci mengenai inisiatif Bandar Mesra Usia, boleh berhubung terus dengan PWDC untuk penjelasan lanjut atau mengimbas kod QR seperti di lampiran.

RINGKASAN

Selari dengan Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melaksanakan inisiatif Bandar Mesra Usia pada November 2022.

Inisiatif Bandar Mesra Usia adalah pendekatan menyeluruh merangkumi 8 domain utama, meliputi persekitaran sosial dan infrastruktur.

Objektif utama inisiatif Bandar Mesra Usia adalah:

- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penuaan aktif dan sihat
- Memastikan Pulau Pinang sebagai bandar yang sesuai didiami untuk semua golongan terutamanya warga emas.
- Menggalakkan hubungan antara generasi dan semangat kemasyarakatan melalui pelbagai program

MBPP ingin menyeru semua pihak untuk bersama-sama menjayakan inisiatif Bandar Mesra Usia dan menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar yang selesa, selamat dan menyeluruh untuk semua golongan.

Bersama Kita Menjadikan
Pulau Pinang Sebagai

Bandar Mesra Usia

SILA LAYARI

<https://www.mbpp.gov.my/ms/perkhidmatan/bandar-mesra-usia>

UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT
MENGENAI INISIATIF BANDAR
MESRA USIA MBPP



Sila imbas Kod QR ini untuk mendapatkan akses kepada Buku Pelan Tindakan Strategik Bandar Mesra Usia MBPP



PULAU PINANG

Bandar Mesra Usia



8 DOMAIN BANDAR MESRA USIA



APA ITU BANDAR MESRA USIA?

Bandar Mesra Usia adalah bandar yang mempunyai persekitaran yang selamat dan terangkum untuk semua peringkat umur, terutamanya kepada warga emas.

Terdapat 8 domain utama di bawah inisiatif Bandar Mesra Usia bagi memastikan kualiti hidup individu di sesebuah bandar lengkap, selesa dan selamat!

MBPP & BANDAR MESRA USIA

Pada 28 Julai 2023, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menerima pengiktirafan daripada World Health Organization (WHO) sebagai ahli World Health Organization's Global Network for Age-friendly Cities and Communities (WHO-GNAFCC).

MBPP yang bertindak sebagai Pelaksana Projek telah bekerjasama bersama Penang Women's Development Corporation (PWDC) selaku Pengurus Projek dan Malaysian Healthy Ageing Society (MHAS) selaku Konsultan Projek bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Mesra Usia.




8 SOKONGAN MASYARAKAT & PERKHIDMATAN KESIHATAN : Perkhidmatan kesihatan dan sokongan yang boleh diakses dan berpatutan untuk menjaga kesihatan dan aktiviti warga emas

1 RUANG AWAM DAN BANGUNAN : Penyediaan tempat atau ruang luar yang bersih dan bersesuaian kepada setiap kelompok masyarakat.



2 PENGANGKUTAN : Sistem pengangkutan yang sesuai dan boleh diakses oleh semua masyarakat, serta berpatutan, selamat, dan adil

7 KOMUNIKASI DAN INFORMASI : Penyediaan dan penyebaran maklumat kepada semua lapisan masyarakat dengan cara yang tepat, mudah diakses, dan mesra rakyat



6 PENGLIBATAN SIVIK DAN PELUANG PEKERJAAN : Bandar dan komuniti yang mesra usia menyediakan peluang sukarela dan pekerjaan berbayar yang bermaruah



5 SALING MENGHORMATI & KETERANGKUMAN SOSIAL : Masyarakat yang inklusif/terangkum menghargai & menunjukkan penghormatan terhadap warga emas.

4 PENGLIBATAN SOSIAL / MASYARAKAT : Mewujudkan program, aktiviti dan perkhidmatan yang merangkumi penglibatan semua lapisan masyarakat, terutamanya warga emas.

